

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 17 Disember 2020 9:56 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DUA PELAJAR PERAKAUNAN UUM TERIMA ANUGERAH ICAEW



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 DISEMBER 2020 / 2 JAMADILAWAL 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

DUA PELAJAR PERAKAUNAN UUM TERIMA ANUGERAH ICAEW



UUM ONLINE: Badan akauntan profesional, The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) telah menganugerahkan ICAEW Advantage Award kepada dua pelajar dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA), baru-baru ini.

Kejayaan ini melayakkan pelajar Sarjana Muda Perakaunan, Muhammad Rafi Abdul Razak dan Nurul Azyyati Amalin Razali masing-masing menerima wang tunai sebanyak RM1,000 dan sijil.

Muhammad Rafi teruja dan bersyukur kerana menerima hadiah kemenangan yang disifatkan sebagai satu pengiktirafan yang cukup bermakna sebagai seorang pelajar.

Menurutnya, ketika menerima panggilan dari ICAEW yang memaklumkan tentang anugerah tersebut, dia seolah-olah tidak percaya namun pada masa sama sangat teruja.

“Saya juga berasa terharu kerana menerima anugerah paling besar nilainya sepanjang berada di UUM, apatah lagi memperolehnya daripada badan profesional antarabangsa sesuatu yang diluar jangkaan.

Bijak mengimbangi tuntutan akademik dan kokurikulum, Muhammad Rafi bergiat aktif di kampus dengan menyertai pelbagai program dan memegang jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Perasaan gembira itu turut dirasai Nurul Azyyati yang menganggap anugerah itu adalah satu pengiktirafan tertinggi yang amat dihargai serta menjadi motivasi buatnya agar lebih bersemangat untuk belajar dalam keadaan yang sukar ini.

Katanya, dia berterima kasih kepada semua pensyarah dan khususnya kepada ibu bapa yang banyak mendorong dan menyokongnya sepanjang tempoh pengajian terutama ketika negara berdepan dengan pandemik.

Sementara itu, Dekan TISSA, Prof. Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pelajar yang menerima anugerah sebagai tanda menghargai usaha pelajar yang berusaha gigih sepanjang pandemik Covid-19 dengan memperoleh keputusan akademik yang cemerlang.

“Majlis penghargaan ini diadakan secara dalam talian sambil berinteraksi dengan pemenang, semoga usaha ini dapat mendorong dan memberi inspirasi kepada pelajar untuk melangkah lebih jauh dalam bidang akademik,” katanya.

Jelasnya, pelajar perakaunan di TISSA-UUM boleh menduduki program profesional perakaunan seperti ICAEW, seiring dengan pengajian ijazah perakaunan mereka. Program sarjana muda perakaunan di TISSA-UUM juga mendapat pengiktirafan daripada badan profesional perakaunan ini.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.